## RINGKASAN EKSEKUTIF

<table>
<tr><th>PERKARA</th><th></th><th>BUTIRAN</th></tr>
<tr><td>CADANGAN</td><td>:</td><td>Pelaksanaan Program Creanova Lean dan Majlis Apresiasi PPKV-MEDAC 2019.</td></tr>
<tr><td>OBJEKTIF</td><td></td><td>Objektif Program:<br>1. Menyediakan platform kepada Syarikat Vendor untuk berkongsi pengalaman dan kejayaan setelah melaksanakan Projek Pengurusan Lean di bawah Program Pembangunan Kapasiti Vendor tahun 2019.<br>2. Mendedahkan Syarikat Vendor dengan sesi perkongsian amalan terbaik aktiviti-aktiviti penambabhbaikan berterusan.<br>3. Memberi peluang Syarikat Vendor untuk menanda aras pencapaian projek Lean kepada pelanggan dalaman dan luaran.</td></tr>
<tr><td>TARIKH & TEMPAT</td><td></td><td>12 & 13 November 2020 (Lembah Klang, Port Dickson atau Melaka)<br>Cadangan tarikh ini adalah tertakluk kepada arahan semasa Kerajaan di dalam tempoh PKPB Pandemik Covid-19.</td></tr>
<tr><td>KOS YANG TERLIBAT/<br>PERUNTUKAN</td><td>:</td><td>1. Dicadangkan pelaksanaan program adalah menggunakan peruntukan PPKV-MEDAC 2019 (Baki Terkini RM298,624-Setakat September 2020)<br>2. Perincian Perbelanjaan:
<table>
<tr><th colspan="3">Peruntukan: PPKV MEDAC (RM70,000)</th></tr>
<tr><td>Bil</td><td>Perkara</td><td>Anggaran Belanja (RM)</td></tr>
<tr><td>1.</td><td>Pakej Seminar</td><td>20,000</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Honorarium Penceramah</td><td>2,000</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Bahan Promosi</td><td>3,000</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>Plaque & Sijil Tamat Program</td><td>3,600</td></tr>
<tr><td></td><td>JUMLAH</td><td>28,600</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>BAHAGIAN/WILAYAH/UNIT</td><td>:</td><td>Khidmat Nasihat & Perundingan Produktiviti (PACS)/OED</td></tr>
<tr><td>BAKI PERUNTUKAN YANG ADA/ TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN</td><td>:</td><td></td></tr>
<tr><td>KOMEN / TANDATANGAN PENGURUS PCT</td><td>:</td><td></td></tr>
</table>

**KERTAS CADANGAN PELAKSANAAN PROGRAM CREANOVA LEAN & MAJLIS APRESIASI PPKV-MEDAC 2019**

## 1.0 TUJUAN

1.1 Kertas ini adalah bertujuan untuk mendapatkan kelulusan Pengurusan MPC bagi Unit PACS/OED untukmenganjurkan Program Creanova Lean & Majlis Apresiasi PPKV-MEDAC 2019.

## 2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Program Pembangunan Kapasiti Vendor (PPKV) – Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi (MEDAC) bagi tahun 2019 ini telah berjaya dilaksanakan oleh MPC pada tahun 2019 dan siap sepenuhnya pada awal tahun 2020.

2.2 Di dalam Program PPKV-MEDAC 2019 ini, sebanyak 12 syarikat vendor telah berjaya mengikuti dan melaksanakan Program Intervensi Pengurusan Lean yang dikendalikan oleh MPC. Impak pelaksanaan program ini yang telah dicapai oleh syarikat-syarikat vendor adalah mencatatkan penjimatan keseluruhan sebanyak RM3.78 juta setahun. Pencapaian ini telah menunjukkan keberkesanan projek Pengurusan Lean di syarikat vendor di dalam menambahbaik proses operasi mereka.

2.3 Bagi menghargai dan mengiktiraf penglibatan syarikat vendor di dalam program ini di bawah kendalian MPC, satu program Creanova Lean & Majlis Apresiasi dicadangkan untuk diadakan dengan menggunakan peruntukan PPKV-MEDAC 2019 pada 12 & 13 November 2020.

## 3.0 OBJEKTIF

Antara objektif program ini adalah untuk:

3.1 Menghargai dan mengiktiraf kejayaan dan penglibatan syarikat vendor di dalam Program Pembangunan Kapasiti Vendor (PPKV) 2019 di bawah kendalian MPC.

3.2 Program ini juga akan menyediakan platform kepada Syarikat Vendor untuk berkongsi pengalaman dan kejayaan setelah melaksanakan Projek Intervensi Pengurusan Lean melalui program PPKV ini.

3.3. Mendedahkan Syarikat Vendor ke arah perkongsian amalan terbaik aktiviti-aktiviti penambabhbaikan berterusan.

3.4 Memberi peluang untuk menanda aras pencapaian projek Lean kepada pelanggan dalaman dan luaran.

## 4.0 PESERTA

Peserta program ini adalah terdiri daripada 12 Syarikat Vendor yang telah tamat melaksanakan Projek Intervensi Pengurusan Lean bersama MPC pada tahun 2019 di bawah Program PPKV-MEDAC.

Senarai Syarikat Vendor adalah seperti di bawah:

| Bil | Syarikat Vendor |
|---|---|
| 1. | Sofal Synergy Sdn Bhd |
| 2. | Totalgard Global Sdn Bhd |
| 3. | Swichtec Power Systems Sdn Bhd |
| 4. | AANS Technical & Service Sdn Bhd |
| 5. | Dailycom Sdn Bhd |
| 6. | Petroclamp Sdn Bhd |
| 7. | Granulab (M) Sdn Bhd |
| 8. | Mayang Bayumas Sdn Bhd |
| 9. | Muarlite Industries Sdn Bhd |
| 10. | DSA Dynamics Sdn Bhd |
| 11. | BNF Utara Enterprise |
| 12. | Alaf Cekal Sdn Bhd |

## 5.0 TARIKH & ATUR CARA PROGRAM

5.1 Cadangan tarikh pada 12 & 13 November 2020 (Rujuk Aturcara Program di Lampiran 1) – Cadangan tarikh ini adalah tertakluk kepada arahan kerajaan di dalam pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

5.2 Lokasi bagi melaksanakan program ini adalah dicadangkan di hotel sekitar Lembah Klang, Port Dickson atau Melaka.

## 6.0 PENUTUP

Lembaga Pengurusan adalah disyorkan untuk mempertimbangkan dan seterusnya meluluskan cadangan pelaksanaan **Program Creanova Lean & Majlis Apresiasi PPKV-MEDAC 2019** dengan peruntukan sebanyak RM70,000 dan anggaran perbelanjaan adalah sebanyak **RM28,600**.

Disediakan oleh:

.......................................
**Mohd Faizol Abd Rahman**
Penolong Pengurus
Khidmat Nasihat & Perundingan Produktiviti (PACS)
Tarikh: 19/10/2020

Disemak oleh:

.......................................
**Encik Rosmi Abdullah**
Pengarah
Khidmat Nasihat & Perundingan Produktiviti (PACS)
Tarikh: 19/10/2020

Disokong oleh:

.......................................
**YBhg. Datin Zainon Bakar**
Pengarah
Bahagian Pembangunan Kecemerlangan Organisasi (OED)
Tarikh: 20/10/2020

**Lampiran 1**

**Atur Cara Program**

**Creanova Lean & Majlis Apresiasi PPKV-MEDAC**

**HARI PERTAMA**

| Masa | Program |
|---|---|
| 3.00 Petang | Pendaftaran Peserta & Check-In |
| 3.30 Petang | Ucapan Perasmian<br>Pengarah PACS<br>Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) |
| 3.45 Petang | Taklimat Perkongsian Program-Program MPC<br>Unit PACS |
| 4.00 Petang | Minum Petang |
| 4.15 Petang | Perkongsian Amalan Terbaik 1<br>Syarikat Vendor PPKV-MEDAC 2019 |
| 5.00 Petang | Rehat dan Makan Malam |
| 8.30 Malam | Perkongsian Revolusi Industri 4.0<br>Sustainable Industrial Revolution and Innovation Sdn Bhd (SIRI) |
| 10.00 Malam | Minum Malam & Rehat |

**HARI KEDUA**

| Masa | Program |
|---|---|
| 9.00 Pagi | Perkongsian 'Leadership & Kaizen Culture'<br>Penceramah Jemputan |
| 11.00 Pagi | Perkongsian Amalan Terbaik 2<br>Syarikat Vendor PPKV-MEDAC 2019 |
| 12.00 Petang | Majlis Penutup Creanova Lean & Apresiasi PPKV-MEDAC<br><br>Ucapan Penutup dan Penyampaian Plaque & Sijil Tamat Program<br>YBhg. Datin Zainon Bakar<br>Pengarah<br>Bahagian Pembangunan Kecemerlangan Organisasi (OED)<br>Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) |
| 1.00 Petang | Check Out & Bersurai |

**Lampiran 2**

| SENARAI PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROGRAM | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **BIL** | **PERKARA** | **HARGA (RM)** | **UNIT** | **JUMLAH (RM)** | **JUMLAH KESELURUHAN (RM)** |
| **1.** | **PERUNTUKAN** | | | | **70,000** |
| **2.** | **PERBELANJAAN** | | | | |
| i. | PAKEJ SEMINAR | | | | |
| | a. Peserta (Wakil Syarikat Vendor) | 400 | 24 Pax | 9,600 | 20,000 |
| | b. Wakil Pengurusan MPC | 400 | 2 Pax | 800 | |
| | c. Sekretariat | 400 | 4 Pax | 1,600 | |
| | d. Penceramah Jemputan | 400 | 2 Pax | 800 | |
| | e. Pakej Networking Dinner | 225 | 32 Pax | 7,200 | |
| ii. | HONORARIUM PENCERAMAH | | | | |
| | a. Penceramah Jemputan | 1,000 | 2 Pax | 2,000 | 2,000 |
| | | | | | |
| iii. | SIJIL & PLAQUE | | | | |
| | a. Sijil Tamat Program & Frame | 50 | 12 | 600 | 3,600 |
| | b. Plaque Penghargaan | 250 | 12 | 3,000 | |
| iv. | BAHAN PROMOSI | | | | |
| | a. Door Gift | 100 | 30 | 3,000 | 3,000 |
| | | | | Jumlah Perbelanjaan | **28,600** |
| | | | | Baki Peruntukan (Hasil MPC) | **41,400** |